

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(II)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

27. Sila nyatakan kawasan *Wetland Reserved* di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).
- (a) Sekiranya tiada, apakah langkah diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk menggantikan kawasan *wetland* bagi menampung lebih banyak air?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

27. Terdapat dua kawasan *Wetland Reserve* di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) tetapi ianya hanya meliputi kawasan *wetland* air masin sahaja dan dikenali sebagai hutan paya bakau. Kawasan tersebut terletak di Hutan Simpan Byram dengan keluasan 214.66 hektar yang diwartakan pada tahun 1981. Manakala satu lagi kawasan terletak di tanah Kerajaan di Sungai Kerian, Sungai Chenaam dan Sungai Udag dengan keluasan 100 hektar. Tiada kawasan *wetland* air tawar yang didaftarkan dalam inventori Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).
- (a) Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mencadangkan pembinaan lima (5) buah *wetland* dengan anggaran keluasan 11.0 hektar bagi kawalan kualiti air di Daerah SPS. Lokasi 5 buah *wetland* yang dicadangkan adalah di Sungai Junjung, Parit Sisir Tok Dahaman, Sungai Jawi di Kampung Titi Hitam, Sungai Jejawi dan Batu Kawan. Cadangan ini telah dimasukkan dalam Kajian Pelan

Induk Tebatan Banjir dan Sistem Saliran Mesra Alam bagi Daerah Seberang Perai Selatan.